

## **SKRIP RAKAMAN MyDIGITAL**

**YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, KSU KPWKM**

Assalamualaikum & salam sejahtera

1. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia atau MyDIGITAL merangkumi idea dan pelan untuk meningkatkan literasi digital bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam ekosistem digitalisasi. Rangka Tindakan ini mementingkan keterangkuman setiap lapisan masyarakat dalam usaha untuk memberi faedah bukan sahaja kepada sektor perniagaan dan Kerajaan, tetapi juga kepada rakyat. Ini adalah penting untuk kita sama-sama mendokong aspirasi pencapaian Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
  
2. Terdapat enam (6) kluster yang telah dikenalpasti untuk menjayakan pelaksanaan MyDIGITAL.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diberi kepercayaan untuk menerajui Kluster Masyarakat bagi mewujudkan masyarakat digital yang inklusif.

3. Antara fokus Kluster Masyarakat ialah :
  - i. meningkatkan keterangkuman aktiviti digital kepada seluruh rakyat;
  - ii. menambahkan akses kepada peralatan digital oleh isi rumah berpendapatan rendah; dan
  - iii. memperkasa kumpulan sasar tertentu dalam masyarakat untuk terlibat sama dalam ekonomi digital menerusi aktiviti keusahawanan.
4. Sebanyak tiga (3) strategi yang merangkumi lima (5) inisiatif telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun ni. Terkini, kita telah berjaya:
  - i. memperluaskan penggunaan sistem pembayaran kod QR di bawah program *onboarding* pembayaran elektronik dan seramai 842,193 peniaga telah berdaftar untuk penerimaan pembayaran kod QR pada akhir Q1 2021 (peningkatan 8.8% berbanding dengan Q4 2020);
  - ii. meningkatkan penggunaan *Terminal Point of Sale* (POS) untuk penerimaan kad pembayaran. Pada akhir Q1 2021 748,141 POS di bawah program *onboarding* pembayaran elektronik (peningkatan 2% berbanding dengan Q4 2020); dan
  - iii. Kita juga telah melancarkan Platform Smart Digital Terminal “Warongku” pada 25 April 2021 untuk membantu 25,000 penjaja dan peniaga kecil terlibat dalam e-dagang.

5. Kluster Masyarakat juga bertanggungjawab membantu dan menggalakkan rakyat beralih kepada perkhidmatan digital yang semakin banyak diperkenalkan oleh kerajaan dan sektor perniagaan seperti transaksi tanpa tunai, Identiti Digital Nasional dan lain-lain perkhidmatan dalam talian.
6. Dengan meningkatnya penggunaan teknologi digital dalam masyarakat, isu keselamatan siber juga amat dititikberatkan. Program kesedaran dan pindaan undang-undang yang berkaitan akan dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada sebarang bentuk penyalahgunaan, penindasan dan penganiayaan siber.
7. Jurang digital mesti ditangani **merentasi batas usia, lokaliti dan status sosioekonomi**. Setiap rakyat mesti celik digital jika kita ingin mencapai kemajuan bersama.

(Ketahui lebih lanjut, layari [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my) – paparan di skrin)